

Perspektif Teologi Barat dan Timur Terhadap Doktrin Trinitas

Zuraiza Husin
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah,
 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 46000
 Bangi, Selangor, Malaysia
 Tel: +6013-6904504 Email: zuraizahusin@gmail.com

Jaffary bin Awang,
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah,
 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 46000
 Bangi, Selangor, Malaysia
 Tel: +03-89213659 E-mail: jaffary@ukm.my

Abstrak

Doktrin Trinitas merujuk kepada kefahaman orang Kristian tentang Tuhan sebagai penyatuan tiga entiti iaitu; Tuhan Bapa (*Father*), Tuhan Anak (*Son of God*) dan Roh Kudus (*Holy Spirit*). Ketiga-tiganya adalah Tuhan dan ia adalah ia (tuhan yang sama) yang setiap satu berkongsi sifat-sifat ketuhanan yang muktamad, abadi (kekal) dan tidak berubah. Artikel ini bertujuan untuk melihat perbezaan pandangan antara ahli-ahli teologi kontemporari yang terkemuka di Barat dengan Timur (negara Asia) dalam menjelaskan dan menghuraikan konsep Trinitas dalam Kristian. Artikel ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan yang merujuk kepada sumber primer dan sumber sekunder. Dapatan mendapati bahawa teologi Trinitas tradisional menekankan kepada terminologi falsafah (bahasa Greek) yang berkaitan dengan konsep hubungan - *ousia* dan *hypostasis* antara tiga entiti ketuhanan dan isu Roh Kudus - *Filioque*. Konsep ini dikembangkan oleh ahli teologi kontemporari dalam usaha menjadikan doktrin Trinitas lebih kukuh serta moden dan relevan kepada Kristian kontemporari. Oleh itu, lahirnya model-model Trinitas seperti *Immanent Trinity* (*Economic Trinity*) dan *Social Trinity*. Manakala di Timur pula, kewujudan ahli teologi yang menyerapkan konsep ketuhanan masyarakat Asia ke dalam Trinitas dapat mengembangkan lagi perspektif terhadap doktrin ini. Antaranya ahli teologi Raimundo Panikkar yang mengemukakan pandangan terhadap Trinitas berasaskan kepada kepercayaan Hindu dan juga Jung Young Lee yang melihat konsep Trinitas berpandukan prinsip *yin-yang*.

Kata Kunci: Trinitas; Teologi Barat; Teologi Timur (Asia)

Abstract

The doctrine of Trinity refers to the Christian understanding of God as the union of three entities, namely; God the Father (Father), God the Son (Son of God) and the Holy Ghost (Holy Spirit). All three are God, and it is he (the same god) who each shares the properties of the ultimate divine, eternal (everlasting) and unchanged. This article aims to look at the differences

between contemporary theologians leading the West to the East (Asia) to explain and describe the concept of Trinity in Christianity. This study takes a qualitative approach, using content analysis that refers to primary sources and secondary sources. The results found that the traditional emphasis on the theology of the Trinity philosophical terminology (Greek) is related to the concept of relationship - between ousia and hypostasis of three divine entities and the issue of the Holy Spirit - Filioque. The concept was developed by contemporary theologians in an effort to make more robust doctrine of the Trinity as well as modern and relevant to contemporary Christians. Thus, there were the birth of models such as the Immanent Trinity, (Economic Trinity) and Social Trinity. While in the East, the existence of theologians incorporate the concept of the divine Trinity community in Asia to be able to develop more perspective on this doctrine. Among these theologians are Raimon Panikkar who submits views on the Trinity based on Hindu beliefs and also Jung Young Lee who saw the concept of the Trinity guided by the principles of yin-yang.

Keywords: Trinity, Western theology, Eastern theology (Asia)

Pengenalan

Menurut *Grolier Encyclopedia of Knowledge* (1993), Trinitas merujuk kepada kefahaman orang Kristian tentang Tuhan sebagai penyatuan tiga entiti iaitu; Tuhan Bapa (*Father*), Tuhan Anak (*Son of God*) dan Roh Kudus (*Holy Spirit*). Ketiga-tiganya adalah Tuhan dan ia adalah ia (tuhan yang sama) yang setiap satu berkongsi sifat-sifat ketuhanan yang muktamad, abadi (kekal) dan tidak berubah. Manakala, *Britannica Encyclopedia of World Religions* (2006) juga memberi definisi yang sama iaitu Trinitas dalam doktrin Kristian ialah penyatuan Bapa, Anak dan Roh Kudus sebagai tiga entiti menjadi Satu Tuhan.

Di samping itu, asal kewujudan Trinitas adalah daripada perkataan '*Trinitas*' dalam bahasa Latin. Ia telah mula digunakan pada abad ke-2 oleh ahli teologi berbangsa Berber Latin bernama Quintus Septimius Florens Tertullianus (160-220 Masihi). Di zamannya beliau sering membahaskan 'fitriah sebenar Jesus'. Beliau merupakan antara penentang keras mereka yang menafikan 'ketuhanan' Jesus. Beliau telah menulis buku pertama teologi Kristian dalam bahasa Latin dan juga dikatakan orang pertama yang mengembangkan pemahaman secara terperinci konsep Trinitas (Barnes 1985).

Athanasius (293-373M) yang merupakan seorang paderi gereja di Alexandria Mesir telah membincangkan ketuhanan Jesus iaitu sebagai Anak Tuhan. Beliau mendakwa bahawa Anak Tuhan wujud daripada zat Tuhan dan dia adalah 'sewujud' atau 'sama keadaan' dengan Bapa. Dengan demikian, Anak Tuhan itu adalah Tuhan juga. Tuhan Bapa tidak boleh wujud diriNya tanpa Anak, begitu juga Anak tidak boleh wujud diriNya tanpa Bapa. Dia adalah 'Anak Tuhan' secara semula jadi. Idea ini yang diusulkan oleh Athanasius dalam Persidangan Nicaea (325M) yang menyatakan bahawa intipati ketuhanan yang sama dimiliki oleh Bapa dan Anak (*He is of the same substance - homoousios with the Father*). Istilah *homoousios* merupakan bahasa Greek yang membawa maksud intipati yang sama (*same substance*) (Fisher 1901).

Penyaksian terhadap ketuhanan Jesus yang dimeterai di dalam *Nicaea Creed* (325M) merupakan titik permulaan kepada pengiktirafan doktrin Trinitas. Manakala melalui Persidangan Constantinople (381M), ketuhanan Roh Kudus telah diakui iaitu "yang bersamasama dengan Bapa dan Anak disembah dan dimuliakan". Pada penghujung kurun ke-4, Maharaja Theodosius I telah mengisytiharkan secara rasmi doktrin Trinitas yang mana Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus adalah Satu Tuhan (Shepherd Jr. 1940 & Sylvester & Abdullah, 2009).

Konsep Hubungan *Ousia* dan *Hypostasis*

Pada akhir kurun ke-4 Masihi selepas Persidangan Nicaea (325M) dan Persidangan Constantinople (381M), penumpuan diberikan dalam memperkukuhkan doktrin Trinitas dengan membincangkan Satu Tuhan dengan Tiga Orang/Entiti (*One God with Three Persons*). Pandangan yang dikemukakan oleh *Cappadocia Fathers* yang terdiri daripada Basil (329-379 M) yang merupakan paderi di Caesarea, Gregory dari Nyssa (tt) paderi di Nyssa dan Gregory dari Nazianzus (325-389M) membincangkan dengan lebih terperinci berkaitan konsep ini (Kärkkäinen, 2007).

Pendekatan *Cappadocia Fathers* dalam menghuraikan Satu Tuhan dengan Tiga Orang dikira terbaik dengan menyatakan hubungan antara *ousia* dengan *hypostasis*. *Ousia* (*being*) yang merujuk kepada kewujudan Tuhan (*being of God*) secara umum. Manakala *hypostasis* (*persons*) pula merujuk kepada entiti-entiti tertentu yang membentuk kewujudan Tuhan. Ini membawa maksud bahawa Satu Tuhan wujud pada masa yang sama dalam tiga mod yang berbeza iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus.

Salah satu ciri yang paling menonjol dalam pendekatan ini adalah keutamaan yang diberikan kepada Tuhan Bapa. Walaupun penulis-penulis *Cappadocia* tidak menerima sama ada Tuhan Anak atau Roh Kudus adalah subordinat kepada Tuhan Bapa, namun mereka menyatakan secara jelas bahawa Tuhan Bapa dianggap sebagai sumber kepada Trinitas. Intipati Tuhan Bapa disampaikan kepada kedua-duanya - Tuhan Anak dan Roh Kudus walaupun dalam cara yang berbeza. Tuhan Anak adalah daripada Tuhan Bapa (*the Son is begotten of the Father*). Basil memberikan formulasi yang menggambarkan dalam semua keadaan, Tuhan Bapa adalah dengan melihat ke dalam Tuhan Anak dan dalam semua perkara Tuhan Anak adalah Tuhan Bapa; kerana keseluruhan Tuhan Anak adalah dalam Tuhan Bapa dan mempunyai semua apa yang ada dalam diri Tuhan Bapa. Oleh itu, *hypostasis* Tuhan Anak itu terjadi kerana ia adalah dalam bentuk dan pengetahuan Tuhan Bapa, dan *hypostasis* Tuhan Bapa dikenali dalam bentuk Tuhan Anak. Manakala Roh Kudus ialah hasil daripada Tuhan Bapa (*Spirit proceeds from the Father*). Begitu juga, Gregory dari Nyssa berhujah bahawa asas utama penyatuan di dalam Trinitas adalah Tuhan Bapa dan ketiga-tiga adalah Satu secara semula jadi (iaitu sebagai Tuhan) (Gunton, 2003, Kärkkäinen, 2007 & McGrath, 2011).

Persoalan bagaimana intipati yang sama boleh hadir dalam ketiga-tiga entiti? *Cappadocia Fathers* menjawab soalan ini dengan melihat kepada hubungan antara alam semula jadi dan apa yang ada di dalamnya seperti manusia. Oleh itu, Basil berhujah bahawa intipati yang satu dalam Trinitas sebagai analogi kepada alam, dan ketiga-tiga entiti ialah apa yang ada di dalamnya iaitu manusia. Sifat semula jadi manusia biasa dikongsi oleh semua orang, tetapi

tidak bermakna keperibadian semua manusia adalah sama. Mereka mengekalkan keperibadian mereka walaupun bersama-sama berkongsi alam ini. Oleh itu, setiap tiga entiti di dalam Trinita mempunyai ciri-ciri yang tersendiri (McGrath, 2011).

Menurut Basil, terdapatnya perbezaan antara setiap entiti ketuhanan ini. Tuhan Bapa dibezakan oleh kebapaannya (*fatherhood*) yang merupakan sumber kepada segalanya dan Tuhan Anak oleh hak anak (*sonship*) yang menjadi penyelamat (*history of salvation*). Manakala Roh Kudus dengan keupayaan untuk menguduskan (*sanctify*). Bagi Gregory dari Nazianzus, Tuhan Bapa dapat dibezakan kerana Dia tidak berasal dari mana-mana sumber lain. Tuhan Anak berasal daripada sesuatu sumber dan sama dengan sumber tersebut, manakala Roh Kudus pula dihasilkan daripada sesuatu (McGrath, 2011).

Maksud yang jelas di sini ialah konsep yang diajar oleh *Cappadocia Fathers* ialah *ousia* merujuk kepada kewujudan Tuhan secara umum iaitu keesaan (*oneness*) Tuhan. Manakala *hypostasis* merujuk setiap entiti tertentu yang membawa kepada wujudnya Tuhan iaitu ketiga-tiga (*threeness*) Tuhan. Ini membawa maksud bahawa 'Tiga entiti ketuhanan dalam perhubungan membawa kepada Trinita tuhan itu sendiri'. Kedua-dua istilah *ousia* and *hypostasis*, mempunyai aspek yang berbeza dalam mendefinisikan Tuhan yang Satu. (Gunton, 2003 & Kärkkäinen, 2007).

Isu Roh Kudus – *Filioque*

Di dalam *Nicaea Creed yang asal* (381M) menyatakan bahawa Roh Kudus adalah 'hasil daripada Bapa' (*proceeds from the Father*). Gereja-gereja Ortodoks Timur patuh kepada *creed* tersebut sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, di Barat berlakunya perkembangan tradisi dengan mendakwa Roh Kudus sebagai 'hasil daripada Bapa dan Anak' (dalam bahasa Latin ialah *filioque*). Akhirnya pada 589 Masihi, *creed* ini telah diubahsuai oleh Gereja Katolik untuk memasukkan istilah *filioque* (dan Anak). Langkah kontroversi ini merupakan sebab yang membawa kepada perpecahan antara Gereja Ortodoks dan Gereja Katolik pada tahun 1054 Masihi dan ianya kekal sebagai isu pemisah antara gereja-gereja Kristian hingga ke hari ini (Ngien, 2005 & Sylvester & Abdullah, 2009).

Dalam mempertahankan istilah *filioque* ini, Augustine (354-430 Masihi) yang merupakan ahli teologi dan falsafah terawal yang sangat berpengaruh di Barat berhujah bahawa Roh Kudus adalah datang daripada Bapa dan Anak. Salah satu hujah utama beliau adalah berpandukan Bible:

" Kemudian Jesus menghembuskan nafasnyanya kepada mereka (pengikut-pengikutnya) dan berkata "Terima Roh Kudus" (Yohanes 20:22).

Augustine menerangkan bahawa kita boleh mengatakan bahawa Roh Kudus datang daripada Tuhan Anak. Beliau telah memperincikan tentang sifat tersendiri Roh Kudus. Roh adalah

penghubung kepada Tuhan Bapa dan Tuhan Anak. Tuhan Bapa hanya Bapa kepada Tuhan Anak dan Tuhan Anak satu-satunya Anak kepada Bapa. Walau bagaimanapun, Roh Kudus adalah Roh kepada kedua-dua iaitu Tuhan Bapa dan Tuhan Anak, mengikat mereka bersamasama dalam satu 'ikatan cinta' (McGrath, 2011).

Menurut Kärkkäinen (2007) dan McGrath (2011), pemahaman Augustine mengenai Roh Kudus ialah sebagai 'ikatan cinta' antara Tuhan Bapa dan Tuhan Anak. Augustine membangunkan idea hubungan dalam prinsip ketuhanan dengan alasan bahawa entiti-entiti Trinititi ditakrifkan melalui hubungan mereka antara satu sama lain. Oleh itu, Roh Kudus sebagai penghubung kasih sayang dan persaudaraan antara Tuhan Bapa dan Tuhan Anak. Beliau telah mengemukakan pemikiran beliau terhadap Trinititi dengan idea hubungan kasih sayang daripada segi ketaatan dan kebapaan. Bapa adalah Kekasih, Tuhan Anak adalah Yang Dikasihi dan Roh Kudus adalah Kasih Sayang Bersama yang menghubungkan antara keduanya.

Model-model Trinititi

Teologi tradisional Trinititi dikembangkan oleh ahli teologi kontemporari dalam usaha menjadikan doktrin tersebut lebih kukuh serta moden dan relevan kepada Kristian kontemporari. Pelbagai model muncul dengan perspektif yang berbeza dan antara yang terkedepan ialah *Internal Modalism* dan *Social Trinity*.

Internal Modalism

Menurut perspektif ini, Tuhan adalah identiti tunggal yang peka wujud secara dalaman, dalam tiga mod kewujudan (*three modes of being*). Pandangan ini adalah penting kerana didokong oleh beberapa ahli teologi Kristian yang terkenal pada abad ke 20 seperti Karl Barth (1886-1969) dan Karl Rahner (1904-1984).

Salah satu sumbangan terbesar Karl Barth dalam teologi moden adalah pembaharuan beliau terhadap doktrin Trinititi. Pendekatan beliau dengan memberi tumpuan kepada terminologi *hypostasis* dalam "tiga mod kewujudan" iaitu ketiga-tiga entiti ketuhanan adalah dalam bentuk/operasi yang berbeza. Beliau membina pandangan dalam *internal modalist* yang didakwa mempunyai kesinambungan dengan gereja.

Barth menggambarkan bahawa Tuhan adalah suatu subjek tunggal yang peka yang wujud dalam tiga mod kewujudan. Barth mengaitkan persepsi ini dengan konsep wahyu. Hasilnya ialah apa yang termasuk dalam ruang lingkup wahyu ialah Penyampai Wahyu, Pelaksana Wahyu dan Keadaan wahyu. Perbezaan-perbezaan ini bersesuaian dengan Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus sebagaimana yang tertulis di dalam Bible. Perbincangan Barth berkaitan Trinititi dianggap sebagai pencetus dalam menghidupkan semula kepentingan doktrin dalam teologi dogmatik (Walters, 2002).

Bagi Barth cara bagaimana doktrin Trinititi dikembangkan adalah melalui cara Tuhan mendedahkan/mewahyukan dirinya (*self-revelation*) melalui Jesus. 'Dia mewahyukan dirinya

melalui dirinya' iaitu Tuhan menyatakan dirinya sebagai Tuhan (*Lord*). Tuhan mendedahkan dirinya sebagai Tuhan 'Bapa Kita' kerana Dia adalah Tuhan Bapa. Dia menyatakan dirinya sebagai Tuhan Anak yang datang kepada kita atau Firman (*Word*) yang bercakap dengan kita kerana dia dalam keadaan dirinya sebagai Anak kepada Tuhan Bapa. Dia juga mendedahkan dirinya sebagai Roh Kudus kerana Dia sebagai Roh yang mempunyai kasih sayang Tuhan Bapa dan Tuhan Anak.

Pandangan Barth terhadap doktrin Trinitas adalah berhubung kait dengan Firman atau Yesus. Dia adalah Firman yang kekal kepada Tuhan Bapa yang bercakap daripada segala yang abadi, atau Firman yang mempunyai pemikiran yang kekal kepada Tuhan Bapa yang berfikir daripada semua keabadian. Dia mendedahkan dirinya melalui dirinya sendiri. Oleh itu, Barth berpendapat Tuhan adalah 'dia dalam keadaan dirinya, ucapannya kepada dirinya sendiri dan kemudian berucap dalam bentuk wahyu kepada kita'. Justeru, Yesus yang mendedahkan dirinya sebagai Tuhan adalah sama dengan Tuhan. Realitinya, Yesus adalah Tuhan yang wujud dalam bentuk manusia yang merupakan subjek yang menjadi manusia sebenar dan boleh bertindak (Kärkkäinen, 2007 & McGrath, 2011).

Persoalan adakah Roh Kudus 'penting' seperti Tuhan Bapa dan Tuhan Anak? Cara Barth mengemukakan idea mengenai Roh Kudus adalah dengan menjadikan Roh Kudus sebagai Roh kepada Yesus. Pentafsiran Roh berdasarkan Bible ialah "Ia tidak datang dari tempat lain kecuali hanya melalui Yesus". Barth beranggapan kenyataan ini menjadi sebab dibenarkan kemasukan frasa *filioque* ke dalam *Nicaea Creed*. Tujuannya adalah untuk mengiktiraf bahawa dalam wahyu Tuhan, Roh Kudus adalah Roh kepada Yesus yang tidak boleh dipisahkan. Dia satu-satunya Roh kepada Yesus (Kärkkäinen, 2007).

Manakala sumbangan Karl Rahner untuk pembangunan teologi moden Trinitas adalah berkaitan analisis beliau terhadap hubungan antara model '*economic Trinity*' dan '*immanent Trinity*'. Beliau menegaskan bahawa titik permulaan yang tepat berkaitan Trinitas adalah pengalaman dalam sejarah penyelamat (*salvation history*) dan juga ungkapan Bible. 'Misteri penyelamat' adalah yang pertama dan diikuti oleh cara merumuskan doktrin. Sejarah penyelamat ialah di mana Tuhan berkomunikasi dengan dirinya (*God's self-communication*), khususnya, Tuhan mewahyukan dirinya (*God's self-revelation*) dan aktiviti melalui Yesus dan Roh.

Rahner berhujah bahawa proses refleksi teologi yang membawa kepada doktrin *immanent Trinity* bermula melalui pengalaman dan pengetahuan tentang sejarah penyelamat. Kepelbagaian dan penyatuan dalam ekonomi penyelamatan sebenarnya membawa ke jalan Tuhan. Tuhan yang sama yang muncul sebagai Trinitas adalah merupakan Trinitas.

Hujah Rahner menunjukkan bahawa Tuhan Bapa menyatakan atau melafazkan dirinya dalam kewujudan suci (Yesus yang pra-wujud) dan tidak dalam entiti makhluk. Konsep utama Rahner adalah konsep Tuhan berkomunikasi dengan dirinya sendiri dan penekanan difokuskan kepada istilah 'diri' (*self*). Tuhan kekal dalam aspek misteri kepada kita tetapi sebagai satu personal yang tiada batasan, yang menjadikan Trinitas adalah misteri. Dengan cara ini mencerminkan bahawa Trinitas boleh membawa kepada pembinaan semula konsep-konsep asas Tuhan dalam tradisi dogmatik (Walters, 2002 & McGrath, 2011).

Social Trinity

Jürgen Moltmann (1926), seorang ahli teologi Protestan terkemuka, mengemukakan idea *Social Trinity* dalam membahaskan Trinitas dan Kerajaan Tuhan. Dia mempertahankan pandangan Ortodoks Timur bahawa Tuhan Bapa bersendirian yang menciptakan (oleh itu dia menolak konsep *filioque*). Dia menyatakan bahawa Tuhan Bapa melafazkan Firman (*logos*) yang abadi melalui pernafasan Roh Kudus yang kekal. Moltmann menolak pandangan 'doktrin beraja' (*monotheistic* or *monarchical*) bagi Tuhan yang akan mengurangkan subjektiviti sebenar ketiga-tiga entiti ketuhanan.

Sebaliknya beliau menegaskan bahawa penyatuan Tuhan adalah penyatuan tiga entiti melalui hubungan. Pertama, hubungan antara satu sama lain iaitu antara tiga entiti dan mereka adalah Satu yang saling tinggal bersama (*perichoresis*). Kedua, penyatuan Tuhan ditakrifkan daripada segi kasih sayang, ia adalah suatu penyatuan yang membuka dirinya dan memasukkan dunia ke dalam dirinya sendiri. Ketiga, ia sebagai salah satu asas dalam hubungan yang bebas dan saksama. Bagi beliau doktrin ini adalah membincangkan keterbukaan Tuhan kepada dunia dan juga keterbukaan dunia untuk masa depan yang menjadi milik Tuhan (Walters, 2002).

Perspektif Teologi Asia Terhadap Doktrin Trinitas

Konteks budaya dan sejarah di Barat begitu berbeza dari Timur seolah-olah sangat bertentangan antara satu sama lain. Begitu juga dalam membincangkan doktrin Trinitas, ahli teologi Asia mengembangkan Trinitas dalam ruang lingkup berbeza dengan berasaskan kepada kepercayaan masyarakat setempat. Antara ahli teologi Asia yang dikenali ialah Raimundo Panikkar (1918-2010 Masihi) dan Jung Young Lee. Lee membina wawasan beliau mengenai Trinitas pada *Yin* dan *Yang* manakala perspektif Panikkar terhadap Trinitas melalui idea *cosmotheandric*.

Trinitas berpandukan prinsip *Cosmotheandric*

Raimundo Panikkar lahir di Sepanyol. Bapanya beragama Hindu berasal dari India manakala ibunya berbangsa Sepanyol dan menganuti Kristian Katolik. Bagi Panikkar, Trinitas dalam Kristian amat sukar difahami. Interaksi berterusan dengan agama lain sangat diperlukan untuk menghargai maksud sebenar Trinitas dan juga kepentingannya. Sehubungan dengan itu, beliau telah mengemukakan pandangan terhadap Trinitas berasaskan kepada kepercayaan Hindu - *cosmotheandric*.

Trinitas bukan idea yang khusus untuk Kristian, sebaliknya Trinitas adalah titik pertemuan di mana dimensi kerohanian yang sah bagi semua agama bertemu. Panikkar menganggap istilah Trinitas sebagai sinonim dengan *cosmotheandric* yang benar-benar mencerminkan struktur realiti. *Cosmotheandric* terbina daripada dua istilah yang digabungkan bermaksud 'Tuhan' dan 'manusia', yang merujuk kepada alam semesta (kosmos). Oleh itu, *cosmotheandricism* membawa erti yang datang bersama-sama Tuhan, umat manusia dan dunia.

Panikkar memberikan takrif bahawa prinsip *cosmotheandric* boleh dinyatakan dengan menyebut Tuhan, manusia dan dunia. Walau bagaimanapun, ianya lebih bertepatan jika dinyatakan "Tidak ada Tuhan tanpa Manusia dan Dunia, Tiada Manusia tanpa Tuhan dan Dunia dan begitu juga tidak ada Dunia tanpa Tuhan dan Manusia". Dalam erti kata lain, pada pandangan Panikkar prinsip *cosmotheandric* meluahkan struktur asas realiti daripada segi interaksi yang intim antara Tuhan, manusia dan dunia atau alam semesta. Tidak ada hierarki dan tiada dualisme yang mana salah satu daripada tiga tidak menguasai atau diberi keutamaan.

Pandangan *cosmotheandric* Trinitas Panikkar melampaui kontur teologi Kristian klasik. Ini menjadi jelas apabila dia menyifatkan maksud baru kepada ketiga-tiga entiti dalam Trinitas.

Bagi Panikkar, Tuhan Bapa adalah "Tiada apa-apa". Ini bermaksud tiada "Bapa" di dalam diri Tuhan, yang "menjadi Bapa" adalah "Tuhan Anak". Ini kerana dalam penjelmaan, Tuhan Bapa telah memberi sepenuh dirinya kepada Tuhan Anak. Oleh itu, Tuhan Anak adalah "Tuhan" yang satu-satunya boleh membina hubungan dengan manusia. Ini bermaksud konsep kewujudan (*being*) hanya dapat dikaitkan dengan Tuhan Anak sahaja dan tidak kepada Tuhan Bapa atau Roh Kudus. Bapa adalah mengatasi apa-apa nama, walaupun dengan nama kewujudan (*being*) kerana Dia adalah Sumber kepada entiti ketuhanan.

Roh Kudus bersifat ada di mana-mana dan tidak berbentuk fizikal yang membawa maksud tidak berupaya untuk mendedahkan diri sendiri. Panikkar menggunakan imej dan cat gambar untuk menyatakan sesuatu yang lebih lanjut mengenai Roh seperti Bapa adalah sumber sungai, Anak adalah sungai yang mengalir dari sumber itu dan Roh ialah lautan di mana sungai berakhir (Walters, 2002 & Kärkkäinen, 2007).

Trinitas berpandukan prinsip *Yin dan Yang*

Jung Young Lee merupakan ahli teologi Asia kelahiran Korea yang melihat Trinitas melalui konsep *Yin dan Yang*. Keduanya-duanya adalah prinsip dalam agama Tao atau Taoisme. Agama ini merupakan pemikiran falsafah yang tertua dari Benua China yang masih subur hingga ke hari ini. Pengasasnya ialah Lao Tze, beliau lahir pada tahun 604 SM (Kärkkäinen, 2007 & Ghazali, 2013).

Dalam pemikiran pemahaman Tao mengenai kosmos (alam semesta), pada mulanya alam adalah lompong yang disebut sebagai *Wu Chi*. Semua yang ada di dunia terdiri daripada dua entiti atau kekuatan yang berlawanan. Daripada *Wu Chi* kemudian terbit tenaga negatif disebut *Yin* dan tenaga positif dikenali sebagai *Yang*. Interaksi di antara dua tenaga ini melahirkan *Tai Chi*. *Yin* mewakili alam bumi iaitu alam fizikal dan material manakala *Yang* mewakili alam langit atau alam spiritual. *Tai Chi* adalah hasil pertautan antara *Yin* dan *Yang* yang juga dianggap sebagai manifesto Tao. *Tai Chi* digambarkan dengan sebuah bulatan yang dibentuk oleh dua tenaga (*force*) iaitu *Yin* dan *Yang*. Bahagian yang gelap bermata putih mewakili *Yin* dan bahagian yang terang bermata hitam mewakili *Yang*. Dengan 'mata' masing-masing yang berlawanan dengan keadaan tubuhnya, maka kedua-duanya menjadi neutral. Oleh itu, peranan *Yin* dan *Yang* adalah untuk memastikan kedua-duanya seimbang dan harmoni. *Yin* adalah negatif, pasif dan terdedah kepada kemusnahan manakala *Yang* pula ialah tenaga positif, aktif

dan konstruktif. *Yin* dianggap wanita dan *Yang* berwatak lelaki. Maka darinya terbentuk teori berpasang-pasangan (Ghazali, 2013 & Mohd Rosmizi et al, 2011).

Pada pandangan Lee, *Yin* dan *Yang* merupakan 'simbol' yang menunjukkan kepada sesuatu dan tidak ada entiti dalam diri mereka sendiri. Ini bermakna *Yin* bukan bersifat wanita atau bumi atau kegelapan, manakala *Yang* tidak bersifat lelaki atau syurga atau cahaya. Sebaliknya, mereka mewakili atau menjadi simbol kepada unsur-unsur tersebut. Bagi beliau, keutamaan diberikan kepada konsep hubungan berbanding inti pati (*substance*). Oleh itu, *Yin* dan *Yang* dikaitkan dengan konsep hubungan antara satu sama lain dan kedua-duanya adalah bertentangan tetapi saling melengkapi (Kärkkäinen, 2007).

Dalam memahami prinsip *Yin* dan *Yang*, Lee meneliti tafsiran istilah "dalam (*in*)" di dalam Bible.

"Percayalah kepada-Ku, bahawa aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku" (Yohanes 14:11).

Ini bermakna apabila *Yin* dan *Yang* termasuk dan dimasukkan ke dalam satu sama lain, mereka mewujudkan hubungan Trinitas. Apabila *Yin* dan *Yang* merupakan simbol hubungan, *Yin* tidak boleh wujud tanpa *Yang* dan sebaliknya. Tambahan pula, *Yin* dan *Yang* adalah berkaitan antara kedua-duanya kerana mereka dimasukkan ke dalam satu sama lain. Rangkuman ini hanya boleh dilambangkan oleh kata depan "dalam (*in*)" yang menjadi prinsip hubungan dalaman *Yin* dan *Yang*. Oleh itu, Tuhan Bapa dan Tuhan Anak adalah Satu berdasarkan istilah "dalam (*in*)" ini.

Kenyataan lain di dalam Bible yang dapat dikaitkan dengan *Yin* dan *Yang* adalah seperti:

"Bapa dan saya adalah Satu" (Yohanes 10:30).

Tafsiran membawa kepada maksud bahawa *Yin* dan *Yang* tidak boleh wujud tanpa satu sama lain kerana konsep hubungan lebih menjadi keutamaan berbanding individualiti. Ini kerana prinsip tersebut adalah berdasarkan kepada "kedua-dua/dan (*both/and*)" dan bukannya "sama ada/atau (*either/or*)". Justeru itu, "dan (*and*)" menandakan satu kenyataan Trinitas yang menunjukkan saling bergantung dan penyatuan. Berhubung dengan Trinitas, kedua-dua Tuhan Bapa dan Tuhan Anak adalah Satu kerana prinsip "dan (*and*)".

Di samping itu, bagaimana pula prinsip *Yin* dan *Yang* dapat dikaitkan dengan Roh Kudus? Lee memberi penyelesaian dengan merujuk kepada prinsip "kedua-dua/dan (*both/and*)". Pada pandangan beliau, "dan (*and*)" tidak hanya satu prinsip yang menghubungkan antara keduanya tetapi juga prinsip "antara (*between*)" yang ada di antara kedua-duanya. Apabila 'dua' wujud, yang ketiga akan wujud di antara mereka. Berdasarkan pemikiran ini, 'tengah (*middle*)' mewakili elemen penghubung di antara kedua-duanya iaitu wujudnya Yang Ketiga.

Lee meringkaskan hubungan antara pemikiran simbolik *Yin* dan *Yang* dengan pemikiran Trinitas Kristian seperti berikut:

Apabila ada Kedua-dua akan ada Tiga kerana Yang Ketiga adalah Pengantara. *Yin* adalah *Yang* kerana ia termasuk dalam *Yang*, seperti mana *Yang* termasuk dalam *Yin*. Oleh itu, *Yin* dan *Yang* (kedua-dua) adalah Satu dan Satu adalah Dua. Mereka juga Tiga kerana mengandungi 'Pengantara' yang menghubungkan mereka. Oleh itu, dalam pemikiran simbolik *Yin* dan *Yang*, Satu dalam Tiga dan Tiga dalam Satu adalah kerana Dua. Tanpa Dua, pemikiran Trinititi tidak mungkin berlaku kerana memahami konsep dua (*two-ness*) adalah penting untuk memahami hubungan antara Satu dan Tiga (Lee, 1996 & Kärkkäinen, 2007).

Penutup

Artikel ini menunjukkan perspektif Barat dan Timur terhadap doktrin dibincangkan dalam ruang lingkup yang berbeza. Teologi trinititi tradisional menekan kepada konsep asal Trinititi yang berpandukan kepada *creeds*. Manakala teologi kontemporari Barat mengembangkan Trinititi ke arah menjadikan ia sebagai doktrin yang lebih mantap dan sejajar dengan Kristian moden.

Ada pun doktrin Trinititi dari perspektif Asia dilihat seolah-olah bertentangan dengan konsep asal Trinititi. Ini kerana pengaruh agama dan budaya setempat telah mencorak Trinititi dalam domain yang berbeza. Walau bagaimanapun, konteks perbezaan mereka tidak harus dianggap sebagai suatu konflik tetapi ke arah memperkayakan pemahaman yang holistik tentang Kristian, khususnya berkaitan Trinititi.

Rujukan

Al-Kitab. (1995). Indonesia: Lembaga Al-Kitab Indonesia.

Al-Kitab Berita Baik. (2001). Selangor: The Bible Society of Malaysia.

Amstrong, K. (1993). *A History of God*. New York: Ballantine Books.

Barners, T. D. (1985). *Tertullian: A Historical and Literary Study*. Oxford: Clarendon Press.

Britannica Encyclopedia of World Religions. (2006). Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc.

Fisher, G. P. (1901). *History of Christian Doctrine*. New York: Charles Scribner's Sons.

Ghazali Basri. (2013). *Ilmu Perbandingan Agama - Satu Pengenalan*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah.

Grolier Encyclopedia of Knowledge. (1993). USA: Grolier Incorporated Danbury, Connecticut.

Gunton, C. E. (2003). *Father, Son & Holy Spirit - Toward A Fully Trinitarian Theology*. London: T & T Clark Ltd.

Kärkkäinen, V.-M. (2007). *The Trinity Global Perspectives*. London: Westminster John Knox Press.

Lee, Jung Young. (1996). *The Trinity in Asian Perspective*. Nashville: Abington Press.

McGrath, A. E. (2011). *Christian Theology: An Introduction*. Edisi ke-5. United Kingdom: Wiley-Blackwell - A John Wiley & Sons, Ltd.

Ngien, D. (2005). *Apologetic Filioque in Medieval Theology*. UK: Paternoster Press.

Sylvester, Nicholas & Abdullah Din. (2009). *Asas Ajaran Kristian Menurut Perspektif Islam*. Selangor: One Touch Creative Sd. Bhd.

Walters, A. S. (2002). *We Believe in One God? Reflections on the Trinity in the Malaysian Context*. Delhi: Indian Society for Promoting Christian Knowledge (ISPCK).